

07/08/2000

Dasar ambil buruh asing wajar diteliti

MELAKA, Ahad - Kerajaan diminta berhati-hati ketika meneruskan dasar pengambilan pekerja asing, termasuk dari Bangladesh kerana terlalu banyak masalah sosial yang diwujudkan oleh rakyat dari negara berkenaan.

Ini kerana sejak warga asing dibenarkan bekerja di sektor perkilangan, perladangan dan pembinaan, pelbagai masalah sosial berlaku antara pekerja itu dengan penduduk tempatan.

Malah, apa yang lebih membimbangkan ialah ada antara warga asing terbabit, turut menjadi pembawa pelbagai jenis penyakit yang kemudian disebarakan ke negara ini.

Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Senator Datuk Zainal Rampak, berkata pelbagai kesan negatif yang wujud sebelum ini, perlu dikaji semula supaya kemasukan pekerja asing itu tidak akan menimbulkan sebarang masalah kepada kerajaan.

"MTUC hanya mahu mengingatkan kerajaan supaya menimbang semula keputusan ini supaya pelbagai kejadian yang berlaku sebelum ini seperti pergaduhan dengan penduduk tempatan dan timbulnya pelbagai jenis penyakit dapat dihindarkan," katanya kepada pemberita di sini, malam tadi.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad minggu lalu, kerajaan akan terus mengambil rakyat Bangladesh untuk bekerja di pelbagai sektor di negara ini.

Ini kerana Dr Mahathir berpendapat, warga Bangladesh turut membantu dalam usaha kerajaan memulihkan semula ekonomi Malaysia, terutama ketika negara dilanda krisis kewangan.

Menurut Zainal, masalah kekurangan tenaga kerja boleh diatasi jika kerajaan bersedia melaksanakan skim gaji minimum di negara ini.

"Sebenarnya, antara tujuan gaji minimum RM900 yang dicadangkan oleh MTUC ialah untuk membantu kerajaan menangani masalah kekurangan tenaga pekerja di pelbagai sektor.

"MTUC berpendapat, gaji minimum itu boleh menjadi tarikan kepada belia tempatan untuk bekerja di sektor perindustrian, peladangan dan pembinaan," katanya.

(END)